

Dua lelaki dipenjara setahun kerana curi gulungan kabel

SIBU: Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara setahun kepada dua lelaki kerana mencuri gulungan kabel milik Sapura Research Sdn Bhd yang menyebabkan kerugian RM7,000.

Majistret Romario Jonoi menyabitkan tertuduh Dexter Lee Sulek, 29 dan Andree Agassi Akat, 28, kedua-duanya dari Kuching, selepas mereka mengaku bersalah terhadap pertuduhan bersama mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan.

Seksyen itu membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mereka melakukan kesalahan itu pada 23 September lalu kira-kira jam 6 petang di tapak menara telekomunikasi di Durin di sini.

Mahkamah juga memerintahkan hukuman penjara mereka berjalan dari tarikh mereka ditangkap pada 3 Oktober lalu.

Berdasarkan fakta kes, pada 25 September seorang pengadu dan rakan sekerjanya melawat tapak menara dan menemui kesan pemotongan pada pagar dawai.

Pada 3 Oktober lalu, kira-kira jam 9.45 pagi sepasukan polis menahan sebuah kereta berserta dua lelaki di Jalan Wong Nai Siong di sini.

Polis melakukan pemeriksaan dan menemui wayar dan kabel, lampu suluh, pemutar skru dan bateri dalam kereta itu.

Pendakwaan dijalankan oleh Inspektor Kumareswaran Murugan manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam bela.